

Keadaan Ekonomi 2016: Suatu Pengajaran

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Tahun 2016 hampir melabuhkan tirai meninggalkan setahun lagi catatan sejarah pencapaian ekonomi dan tidak kurang juga pengajaran yang memantapkan kematangan negara. Tahun 2017 bakal menjelma dengan seribu pengharapan. Permulaan lembaran baru lazimnya diiringi dengan semangat optimistik yang berkobar-kobar. Setiap lapisan masyarakat, bermula dari individu hinggalah ke peringkat kerajaan, mengharapkan keadaan ekonomi yang lebih baik dari tahun ini.

Perlu diingat pengharapan adalah sesuatu yang belum pasti. Paling baik, sesebuah ekonomi akan melaksanakan perancangan ekonomi yang jitu bersandarkan kepada asas-asas yang kukuh. Namun pencapaian sebenar bergantung kepada pelbagai faktor yang sebahagiannya di luar kawalan. Yang pasti, apa yang telah berlaku menjadi pengajaran yang berharga. Sesuatu perancangan yang baik sudah pasti mengambil kira segala pengajaran yang ada.

Apakah antara pengajaran berharga yang boleh dipelajari berdasarkan apa yang berlaku di sepanjang tahun ini? Satu pengajaran terpenting yang boleh diambil berdasarkan perjalanan ekonomi dunia satu atau dua tahun lepas adalah ke salinghubungan antara ekonomi-ekonomi dunia. Kita dapat lihat bagaimana kelembapan harga komoditi, terutamanya minyak petroleum mentah, mempengaruhi sebilangan besar ekonomi dunia. Ini termasuk negara-negara bukan pengeluar minyak. Padahal, negara-negara bukan pengeluar minyak atau negara pengguna minyak sepatutnya mendapat faedah dari penurunan harga minyak melalui pengurangan kos pengeluaran serta harga penggunaan akhir yang murah.

Penurunan harga minyak memberi kesan kepada kebanyakan ekonomi dunia melalui dua saluran, iaitu aliran perdagangan dan aliran modal dunia. Aliran perdagangan dan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

aliran modal dunia pula terkesan di atas kejatuhan harga minyak secara langsung melalui pengurangan import oleh negara-negara pengeluar minyak dan secara tidak langsung melalui pengukuhan nilai dolar Amerika (USD). Malah, pengukuhan USD memberi kesan yang lebih kuat terhadap aliran perdagangan dan aliran modal dunia kerana mata wang ini digunakan dengan meluas di dalam perdagangan antarabangsa dan di dalam pasaran modal di seluruh dunia. Nilai USD secara tradisi mempunyai hubungan negatif dengan harga minyak. Iaitu apabila harga minyak menaik, nilai USD akan menurun dan sebaliknya.

Satu pengajaran yang boleh di ambil di sini adalah keterbukaan ekonomi mempunyai kesan sampingan yakni terdedah kepada jangkitan masalah ekonomi yang berlaku di lain-lain ekonomi. Ini tidak pula bermakna kita perlu meninggalkan perdagangan antarabangsa dan berbalik kepada ekonomi tertutup atau sara diri. Manfaat ekonomi terbuka jauh lebih baik dari ekonomi sara diri, maka ianya bukan merupakan pilihan. Apa yang perlu kita usahakan adalah memaksimumkan manfaat liberalisasi ekonomi.

Peristiwa Britain keluar dari Kesatuan Eropah (EU) atau Brexit dan dasar perlindungan yang dibawa oleh Trump membuktikan bahawa negara maju juga menghadapi kesan sampingan yang tidak baik hasil liberalisasi ekonomi. Ini merupakan suatu peringatan kepada ekonomi kecil seperti Malaysia, yakni kita perlu perlindungan di dalam keterbukaan. Ini adalah selari dengan amalan perniagaan melalui pengambilan risiko dengan perlindungan (*hedge*).

Perlukah Malaysia mengamalkan dasar perlindungan dan jika perlu dasar perlindungan bagaimanakah yang patut dilaksanakan? Tarif adalah merupakan kaedah perlindungan yang sering diamalkan untuk melindungi pengeluar domestik. Selain dari itu dasar perlindungan bukan tarif juga sering digunakan, seperti melalui lesen, prosedur pentadbiran dan seumpamanya. Kedua-dua kaedah perlindungan, tarif dan bukan tarif, adalah kurang efisien. Ianya sering disebut sebagai dasar kedua terbaik. Dasar terbaik adalah melalui peningkatan kecekapan pengeluaran.

Sudah pasti Malaysia perlu menyasarkan dasar perlindungan terbaik, yakni peningkatan kecekapan. Dasar ini adalah lebih mapan kerana ianya melibatkan pembinaan kekuatan dalaman. Manakala dasar kedua terbaik hanya melibatkan

kekuatan luaran yang tidak mampu bertahan untuk jangka masa yang lama. Perlu diingat, liberalisasi ekonomi adalah beriringan dengan persaingan. Di mana ekonomi terbuka memberi manfaat yang maksimum kepada semua negara yang berdagang disebabkan oleh berlakunya persaingan yang sihat. Justeru, Malaysia perlu berusaha meningkatkan daya saing untuk meraih manfaat keterbukaan ekonomi.

Maka, pengajaran terbesar dari situasi ekonomi semasa adalah keperluan untuk meningkatkan daya saing di samping pertumbuhan perdagangan antarabangsa. Peningkatan daya saing mampu dicapai antara lain melalui peningkatan teknologi dan produktiviti. Kecekapan semua rangkaian proses dari pengeluaran hinggalah barangan atau perkhidmatan sampai ke tangan pengguna perlu ditingkatkan.

Semua pihak yang berkaitan perlu memainkan peranan di dalam usaha meningkatkan daya saing, bermula dari kerajaan hinggalah kepada pengeluar. Kerajaan perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk persaingan yang sihat. Segala proses yang terlibat hendaklah disemak dan direformasi jika perlu. Agensi-agensi yang terlibat juga perlu melalui proses reformasi jika perlu untuk memastikan undang-undang, peraturan dan segala prosedur tidak menghalang persaingan yang sihat. Ini merupakan inti pati kepada suatu asas ekonomi yang kukuh.

Para pengeluar mestilah berusaha untuk meningkatkan daya saing dengan peningkatan kecekapan. Teknologi pengeluaran dan proses perlu ditingkatkan. Pelaburan di dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta modal insan adalah amat penting. Inilah elemen kepada peningkatan kekuatan dalaman yang perlu diraih oleh pengeluar tempatan untuk bersaing di peringkat global. Dengan adanya kekuatan dalaman di kalangan pengeluar tempatan, kesan kelembapan ekonomi dunia dapat diminimumkan.

Secara umumnya, keseluruhan masyarakat perlu menerapkan prinsip ini secara langsung atau tidak. Isi rumah sebagai pembekal faktor pengeluaran, termasuk buruh dan modal, perlu memaksimumkan sumbangan mereka dengan peningkatan kecekapan faktor yang disumbangkan. Kesan akhirnya adalah peningkatan produktiviti. Secara keseluruhannya, inilah persediaan terpenting untuk negara menghadapi sasaran negara berpendapatan tinggi dan seterusnya menjadi sebuah negara maju.